

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**SOALAN NO. 491**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sehubungan reputasi Malaysia terjejas kerana dikenali sebagai pusat pembuangan bahan kitar semula plastik kedua terbesar selepas Filipina :-

- (a) adakah Kementerian akan memansuhkan industri kitar semula plastik ; dan
- (b) sekiranya ya, bolehkah Kementerian komited dalam melaksanakannya dalam tempoh lima tahun dari sekarang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak bercadang untuk memansuhkan industri kitar semula plastik kerana industri ini menyumbang dan memainkan peranan yang penting dalam memacu ekonomi negara. Pada tahun 2017, jumlah penggunaan resin meningkat kepada 2.35 juta tan dengan nilai pendapatan sebanyak RM29.8 bilion setahun. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 49% plastik yang dihasilkan dieksport ke luar negara.

2. Justeru, bagi memastikan industri kitar semula plastik ini dilaksanakan tanpa menyebabkan pencemaran alam sekitar serta kacau ganggu terhadap penduduk setempat, KPKT komited dan telah menetapkan hala tuju pengimportan sisa plastik seperti berikut:

- i) penetapan kuota bagi pengimportan sisa plastik;
- ii) penetapan syarat-syarat baharu pengimportan sisa plastik; dan
- iii) penggubalan peraturan khusus bagi mengawal selia sisa plastik import.

3. Kementerian ini akan melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa ke atas pemegang AP sisa plastik melalui pemeriksaan premis yang dibuat secara tahunan. Selain itu juga, KPKT melaksanakan operasi bersepadu bersama Pihak Berkuasa Tempatan, pembekal utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) supaya tindakan dapat diambil berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.